

Headline	Subsidi haji naik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	11	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	152 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,593
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,778



# Subsidi haji naik

**KUALA LUMPUR** - Lembaga Tabung Haji (TH) bakal memperuntukkan jumlah subsidi lebih tinggi untuk musim haji tahun depan, bagi mengurangkan kos haji yang dijangka semakin meningkat.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Johan Abdullah berkata, faktor pemboleh ubah seperti peningkatan dalam harga tambang penerbangan, penginapan jemaah haji dan juga perubahan harga mata wang perlu diambil kira bagi menentukan kos haji, seterusnya menetapkan jumlah subsidi.

"Saban tahun (kos haji) akan meningkat. Harga bagi 2017, tidak akan sama dengan harga 2016.

"Kita masih belum kira lagi kos haji untuk 2017, tetapi saya anggarkan ada sedikit peningkatan," katanya.

Beliau berkata demikian



Jamil Khir (kiri) berbual dengan pelajar selepas Program Iqra' TH 2016 di Dewan Darul Kifayah, semalam. - Foto: BERNAMA

kepada pemberita selepas majlis pelancaran Program Iqra' yang disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, semalam.

Turut hadir, Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Terdahulu, Jamil Khir berkata, TH telah menanggung kos haji lebih RM160 juta un-

tuk musim haji baru-baru ini, bagi memastikan bayaran haji jemaah kekal RM9,980 seorang.

Subsidi tersebut turut membolehkan jemaah haji muassasah terus menikmati kemudahan yang disediakan dengan lebih selesa walaupun kos haji tinggi iaitu RM18,890 seorang bagi musim ini. - *Bernama*